

Perolehan daripada koperasi-koperasi sekolah sepanjang tahun ini **Angkasa sasar RM400 juta**

Oleh IZYAN LIYANA MOHD. DARIF

KOTA KINABALU – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menyasarkan perolehan sebanyak RM400 juta daripada koperasi-koperasi sekolah di seluruh negara sepanjang tahun ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sasaran tersebut dibuat berdasarkan kepada perkembangan perniagaan koperasi sekolah yang kini tidak lagi tertumpu pada jualan alat tulis sahaja.

"Direkodkan sebanyak 2,376 koperasi sekolah di seluruh negara yang melibatkan sebanyak

2.2 juta ahli yang terdiri daripada guru, pelajar dan kakitangan sekolah. Di Sabah sahaja kita mempunyai 214 buah koperasi sekolah.

"Berdasarkan jumlah tersebut, koperasi sekolah mempunyai aset bernilai RM320 juta dengan pulangan saham sebanyak RM24.8 juta termasuklah RM359.29 juta perolehan pada 2016," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Keusahawanan dan kios Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tansau di Dataran Datin Fatimah di sini semalam.

Turut hadir Pengetua SMK Tansau merangkap Pengurus Koperasi SMK Tansau Bhd.,

Siti Salmiah Samaie.

Abdul Fattah menjelaskan, sasaran untuk mencapai pendapatan RM1 juta bagi setiap 50 koperasi pula dijangka dicapai menjelang tahun 2020.

"Berdasarkan data, 35 buah koperasi sekolah kini berpotensi mencapai sasaran tersebut selepas berjaya mencatat perolehan purata sebanyak RM800,000 pada tahun lalu," jelasnya.

Tambah beliau, pembangunan koperasi sekolah hari ini juga menunjukkan prestasi yang membanggakan kerana aktiviti perniagaan tidak hanya tertumpu di dalam sekolah malah turut dipromosi kepada orang luar.

KOSMO (AYR & S)
07/07/2017



ABDUL FATTAH (dua dari kanan) beramah mesra dengan sebahagian daripada peniaga di SMK Tansau di Kota Kinabalu semalam.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia